

Headline	Baka elit kacip fatimah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	528 cm ²
Journalist	NUR FATIEHAH ABDUL RASHID	AdValue	RM 10,531
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,593



Baka elit kacip fatimah ditemui

KAEDAH PENYELIDIKAN

- Sebanyak 50 gram daun diambil dari setiap pokok dan diekstrak menggunakan kaedah pelarut etanol.
- Semua hasil ekstrak menjalani penyaringan jumlah kandungan fenolik melalui kaedah Folin-Ciocalteu.
- Jumlah kandungan fenolik yang diperolehi dibaca dalam unit kesamaan asid gallik mg/50 g (gallic acid equivalent).
- Hasil analisis menunjukkan baka-baka kacip fatimah mempunyai jumlah kandungan kimia fenolik yang agak tinggi mampu menandingi beberapa ulam-ulaman tempatan lain seperti pegaga, kesum, ulam raja dan selom.
- Daripada 300 baka yang disaring, sebanyak 20 baka mampu menghasilkan jumlah kandungan kimia fenolik yang tinggi dengan julat antara 2800 hingga 3000 mg/50 g GAE (gallic acid equivalent).
- Daripada jumlah ini satu klon yang mempunyai nilai tertinggi telah di daftarkan di bawah ID FRIM dengan kod KFS001.

agro

Oleh NUR FATIEHAH ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



TUMBUHAN herba yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di negara ini iaitu kacip fatimah atau nama saintifiknya *Labisia pumila* dari keluarga *Myrsinaceae*, digunakan untuk merawat pelbagai masalah dalam dan kesihatan wanita.

Digunakan daripada proses rawatan untuk bersalin sehinggalah merawat kembung perut, senggugut, sengal tulang dan sebagainya, kacip fatimah ternyata menjadi pilihan sebagai penawar tambahan sejak turun temurun.

Penggunaan herba telah menjadi semakin meluas dan dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Namun, disebabkan kebanyakan sumber bahan mentah ini diambil dari hutan dan secara liar, maka kualiti baka sesuatu spesies itu tidak diketahui dan dikhuatiri akan menjejaskan mutu produk.

Justeru, penyelidik dari Program Membiak Baik Tumbuhan, Bahagian Bioteknologi Perhutanan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), yang diketuai



FARAH FAZWA MD. ARIFF (kanan) bersama kumpulan penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menunjukkan baka elit kacip fatimah hasil kajian mereka di FRIM, Kepong, Selangor, baru baru ini.

oleh Dr. Farah Fazwa Md. Ariff, telah menjalankan penyelidikan *Pengenalpastian Baka Elit Kacip Fatimah* bagi penghasilan bahan tanaman secara berterusan.

Kajian tersebut telah dijalankan selama hampir tiga tahun dan memakan belanja sebanyak RM263 ribu, iaitu dana yang ditaja di bawah Skim Geran Penyelidikan Bidang Ekonomi Utama Negara Herba (NGRS) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

Menurut Farah Fazwa, secara dasarnya, projek berkaitan penghasilan bahan tanaman kacip fatimah telah bermula dari 2008 dan terus berlangsung sehingga kini.

"Selaras dengan hasrat kerajaan dalam dasar pertanian ketiga negara tumbuhan ubatan telah dipilih sebagai salah satu komoditi dengan memberi penekanan menjadikan Malaysia sebagai pusat pembangunan bahan-bahan mentah untuk kegunaan industri.

"Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), kerajaan

telah mengenalpasti beberapa spesies herba termasuk kacip fatimah sebagai spesies yang perlu diberi keutamaan.

"Oleh itu, kajian ini dilaksanakan sebagai langkah menyokong dasar kerajaan tersebut," katanya ketika ditemui di Kepong, Selangor, baru-baru ini.

Jelasnya, beliau bersama ahli kumpulannya telah menjalankan kajian mengenai pemilihan baka-baka kacip fatimah *superior* berdasarkan kandungan kimia aktif.

Jumlah kandungan fenolik atau *total phenolic content* dijadikan trait utama sebagai asas pemilihan baka-baka kacip fatimah yang *superior*.

"Kandungan kimia fenolik adalah sangat berkait rapat dengan fungsinya sebagai agen antioksidan. Persampelan sebanyak 300 baka kacip fatimah telah dilakukan secara rawak di 10 hutan simpan yang meliputi tujuh negeri iaitu Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.